

Warga Jepun mengaku salah pecah amanah

B/HARIAN 9/1/19
MS 16

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga Jepun dihukum penjara setahun dan dua sebatan serta denda RM10,000 atas pertuduhan melakukan pecah amanah terhadap harta syarikat.

Hakim Mahkamah Sesyen, Hasbullah Adam, menjatuhkan hukuman itu terhadap Orang Kena Saman (OKS), Shinohara Koji, 39, selepas dia yang bekerja sebagai pengurus syarikat menukar pengakuannya kepada bersalah pada sebutan semula kes itu.

Mahkamah memerintahkan OKS menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh dia didakwa di mahkamah pada 3 Disember lalu.

Shinohara turut berdepan hukuman penjara sebulan jika gagal membayar denda itu.

Pecah amanah

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa sebagai seorang pengurus syarikat yang telah digajikan dan diamanahkan dengan penguasaan lima set peralatan golf berjumlah RM103,562, melakukan pecah amanah harta itu dengan menjual semua peralatan berkenaan tanpa pengetahuan syarikat.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di kedai menjual alatan golf di Publika, Solaris Dutamas, Jalan Dutamas 1, di sini, antara jam 1 pagi hingga jam 11.59 malam, 4 Disember 2017.